

Index
No.

						-	
--	--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS2EN/1

SECONDARY 2 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 3

BAHASA MELAYU
(KERTAS 1)

MALAY
(PAPER 1)

Additional Materials: Writing Paper

Total Time: 2 h

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Do not turn over this page until you are told to do so.
2. Follow all instructions carefully.
3. Write your answer in the Answer Book provided.
4. An approved dictionary may be used.



This question paper consists of 3 printed pages.

Jawab dua soalan, satu daripada **Bahagian A** dan satu daripada **Bahagian B**.

BAHAGIAN A (20 markah)

Arahan: Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan berikut.

1. Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.



Kepada: radiah@gmail.com

Daripada: puteri@pintar.com

Subjek: Kejadian Gempa Bumi dan Tsunami

Tarikh: 26 Mac 2019

Ainah

Apa khabar? Saya harap awak dan keluarga berada dalam keadaan sihat sejahtera. Maafkan saya kerana sudah lama saya tidak menghantar e-mel kepada awak kerana terlampau sibuk dengan kerja-kerja sekolah.

Awak ada baca berita? Baru-baru ini, kejadian gempa bumi dan tsunami telah melanda negara jiran Indonesia. Saya terkejut kerana ia berlaku secara tiba-tiba dan ramai orang dilaporkan terkorban. Saya amat bersimpati dengan nasib mereka dan ingin menghulurkan bantuan dengan menganjurkan projek amal. Saya difahami bahawa awak mempunyai pengalaman menganjurkan kegiatan amal. Boleh tak awak kongsi dengan saya apa yang boleh saya lakukan untuk meringankan beban para mangsa di Palu?

Hingga di sini sahaja e-mel saya untuk kali ini. Saya menantikan jawapan daripada awak. Sekian terima kasih.

Yang benar
Razi

2. Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Baru-baru ini kamu mendapati sekitaran sekolah kamu semakin kotor disebabkan pelajar-pelajar yang tidak bertanggungjawab. Mereka telah membuang sampah sembarangan di kawasan padang. Malah, tandas berdekatan padang tersebut juga seringkali rosak akibat perbuatan nakal.

Tulis satu e-mel kepada pengetua sekolah kamu untuk menyuarakan keprihatinan kamu tentang hal ini. Berikan dua cadangan kepada pengetua sekolah kamu untuk mengatasi masalah tersebut.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: iman@e-mail.com

Alamat penerima: Kenneth_Guak@school.gov.sg

BAHAGIAN B (40 markah)

Arahan: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 200 patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini.

3. Cara-cara untuk mengharumkan nama baik sekolah.
4. Tulis sebuah cerita yang mengisahkan tentang ketabahan ketika menghadapi cabaran dalam kehidupan.
5. Kamu sedang menjalankan projek di sekolah bersama rakan-rakan kelas tetapi salah seorang daripada ahli kumpulan kamu malas dan tidak bekerjasama. Disebabkan itu, projek kamu tidak dapat diselesaikan mengikut jadual. Gambarkan peristiwa tersebut dan ceritakan bagaimana kamu akhirnya berjaya membimbing teman kamu kembali fokus dalam menyelesaikan projek tersebut.

SELESAI